



### Graduan UPM Perlu Pikul Tanggungjawab Teknologi Hijau



*Tan Sri Dato' Rozali sedang beramah mesra bersama graduan anak-anak FELDA.*

**SERDANG, 11 Oktober** - Graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) harus bertanggungjawab menerajui teknologi hijau bagi mendidik masyarakat akan pentingnya teknologi tersebut kepada generasi masa depan.

Pro Canselor UPM, Tan Sri Rozali Ismail berkata UPM mampu merealisasikan matlamat teknologi hijau bagi mengurangkan jumlah pencemaran karbon dalam kehidupan masyarakat kerana penyelidikan itu telah mencipta pelbagai inovasi hijau untuk menerajui kehijauan dunia.

*"Saya berharap universiti terus membuat penyelidikan teknologi hijau untuk menjamin kehidupan yang berkualiti."*



*Tan Sri Dato' Rozali Ismail menyampaikan ucapan beliau pada Majlis Konvokesyen UPM Ke-34 yang berlangsung di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS).*

"Ingatlah bahawa masa depan negara terletak di tangan anda sebagai generasi yang akan menjadi pengurus dan pentadbir serta meneruskan agenda perjuangan bangsa dan negara Malaysia," katanya ketika menyampaikan ijazah dan diploma pada hari ketiga (sesi keenam) Majlis Konvokesyen Ke-34 UPM di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Sementara itu, beliau menasihati graduan agar memanfaatkan ilmu yang diperoleh serta menghargai keamanan yang dikehendaki pada masa kini.

"Janganlah gunakan ilmu yang diperoleh untuk kerja yang tidak baik seperti membuat blog yang berunsur fitnah. Banyak contoh mereka yang menggunakan ilmu pengetahuan dengan jalan yang tidak betul, akhirnya membinasakan diri mereka sendiri," katanya.

Terdahulu pada sesi kelima sebelah paginya menyaksikan Pro Canselor, Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek mengurniakan ijazah dan diploma kepada 765 graduan sementara sesi keenam pada sebelah petang seramai 767 graduan menerima ijazah dan diploma daripada Tan Sri Rozali.



Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.  
(Noor Eszereen Juferi 03-89466013, Unit Foto BKK 03-89466199).